



Suasana sesi pelajaran penggunaan perisian 'Sony Vegas' yang dbimbing oleh Isaac Yip.

# PMSSMP Anjur Bengkel Teknik Penyuntingan Video

oleh: Isaac Yip

SABTU, 10 MEI - Satu bengkel IT telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) untuk mendedahkan penggunaan perisian IT kepada pelajar Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) serta melahirkan siswazah bermotivasi dan berinovasi yang menguasai kemahiran IT, yang

berlangsung di bilik tutorial 8, SSMP.

Bengkel tersebut turut menjemput pelajar dari Sekolah Sains Sosial, Isaac Yip, dari Program Komunikasi, untuk memperkenalkan penggunaan dan kegunaan perisian 'Sony Vegas' kepada pelajar SSMP.

Perisian 'Sony Vegas' merupakan perisian penyuntingan video yang amat berguna dan seronok digunakan untuk menyunting video, dan ini dapat membantu pelajar dalam tugas-tugas pembikinan video dalam kursus-kursus yang tertentu, misalnya kursus bahasa yang memerlukan pelajar membuat satu video sebagai projek akhir nanti, kata Isaac Yip.

Terdapat 40 pelajar SSMP dari tahun satu dan dua menyertai bengkel ini dan bengkel ini berlangsung pada jam 8 pagi sehingga 4 petang.

Pengarah projek bengkel ini, Ng Kok Ong amat bangga dengan pelaksanaan projek ini atas maklum balas peserta yang amat positif ini.

"Ramai peserta amat gembira kerana mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru hari ini," kata Ng, " ini telah memberi satu peluang kepada peserta untuk memiliki satu kemahiran tambahan dan berguna untuk masa depan mereka."